

NO. SOALAN : 152

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR MANSOR BIN ABD RAHMAN  
[ SIK ]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 JUN 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah peranan Kerajaan melalui Kementerian dan agensi-agensi dibawah Kementerian dalam menentukan kestabilan harga penggunaan dan mutu perkhidmatan elektrik bagi rakyat ini kerana dalam masa setahun sebanyak 2 kali kenaikan tarif bekalan elektrik.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berperanan dari segi menentukan dasar dan hala tuju negara untuk pembangunan sektor tenaga, air dan teknologi hijau. Di bawah sektor tenaga, agensi yang terlibat di bawah Kementerian ialah Suruhanjaya Tenaga, yang melaksanakan tugas kawal selia industri bekalan elektrik dan bekalan gas di peringkat retikulasi. Manakala Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah syarikat berkaitan kerajaan (Government Linked Company - GLC) di bawah kementerian ini yang bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur pembekalan elektrik di Semenanjung Malaysia.
  
2. Di bawah sistem Kawal Selia Berinsentif (Incentive Based Regulation - IBR) yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga, terdapat satu komponen utama iaitu pelepasan kos bahan api dan penjanaan (*imbalance cost pass-through* - ICPT) yang bertujuan untuk membuat semakan ke atas kadar tarif elektrik setiap 6 bulan, ekoran daripada

perubahan harga bahan api dan kos penjanaan lain yang mana adalah di luar kawalan pihak utiliti. Ini adalah bagi memastikan utiliti mampu menampung peningkatan kos pembekalan elektrik dan mempertingkatkan pelaburan untuk menyediakan infrastruktur dan operasi pembekalan elektrik yang lebih baik.

3. Melalui mekanisme ICPT, sebarang perubahan harga bahan api akan disalurkan kepada pengguna. Sekiranya berlaku penurunan harga bahan api, pihak utiliti akan memulangkan sebarang penjimatan kos bahan api kepada pengguna melalui penurunan kadar tarif elektrik. Walau bagaimanapun, sebelum kos-kos ini dilepaskan kepada pengguna, Suruhanjaya Tenaga selaku badan kawal selia akan meneliti dan menyemak terlebih dahulu kos-kos tersebut bagi memastikan hanya kos yang efisien dilepaskan kepada pengguna. Seterusnya, pihak Suruhanjaya Tenaga akan membentangkan sebarang cadangan pelepasan kos bahan api dan penjanaan (ICPT) kepada pihak Kerajaan untuk kelulusan.

4. Bagi memastikan kualiti pembekalan elektrik yang dinikmati pengguna dan rakyat adalah berpadanan dengan tarif elektrik yang dibayar, Kementerian telah menetapkan sasaran tahunan ke atas Tenaga Nasional Berhad (TNB). Antaranya adalah pengurangan purata

tempoh gangguan bekalan elektrik yang dialami pengguna dalam masa setahun yang diukur menerusi *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI). Bagi tahun 2013, pihak TNB telah berjaya mencapai SAIDI pada 60.35minit/pengguna/tahun berbanding sasaran sebanyak 65 minit/pengguna/tahun. Manakala bagi tahun 2014, sasaran SAIDI yang ditetapkan ialah 60 minit/pengguna/ tahun.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS TANGAU  
(TUARAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.06.2014**

**Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah bilangan penerima pinjaman melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi setiap negeri di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan penerima pinjaman melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi setiap negeri sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

<b>No.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN PEMINJAM</b>
1	Perlis	3,621
2	Melaka	5,098
3	Pulau Pinang	5,367
4	WP Kuala Lumpur	7,181
5	Negeri Sembilan	7,616
6	Johor	12,769
7	Selangor	12,904
8	Pahang	19,587
9	Terengganu	23,694
10	Perak	26,418
11	Sarawak	30,102
12	Kedah	35,144
13	Kelantan	43,489
14	Sabah	50,589
<b>Jumlah besar</b>		<b>283,579</b>

Daripada keseluruhan bilangan peminjam berjumlah 283,579 orang, negeri Sabah mencatatkan jumlah peminjam paling ramai iaitu sebanyak 50,589 orang peminjam diikuti oleh Kelantan sebanyak 43,489 peminjam dan Kedah seramai 35,144 peminjam. Perlis pula mencatatkan bilangan peminjam paling sedikit iaitu seramai 3,621 orang peminjam.